Tajuk : Kat Adjektif (Kata sifat)

Pilih kata adjektif yang paling tepat.

kencang	kagum	cantik	tinggi	baik
awal	putih	jauh	gembira	nipis
elok	cermat	bujur	perlahan	

Anuar bangun 1)_____ pada hari ini. Dia akan pergi ke rumah Helmi. Rumahnya tidak 2)_____ daripada rumah Helmi. Helmi berjanji untuk mengajarnya bermain wau. Dia berasa sungguh 3)_____ kerana dapat mempelajari salah satu daripada permainan tradisional masyarakt Melayu.

Anuar dibawa oleh Helmi masuk ke dalam stor di rumahnya. Dia mengambil wau yang tergantung pada dinding stor itu. Helmi membuka balutan pada wau itu dengan 4)_____. Wau itu masih 5)_____ dan 6)_____. Anuar berasa sungguh 7)_____ melihat wau itu.

Nama wau itu ialah Wau Bulan. Wau itu diperbuat daripada buluh dan kertas yang 8)_____. Terdapat pelbagai corak yang menarik di atas badan wau itu yang berwarna biru. Wau itu berbentuk 9)_____ dan ekornya pula berwarna kuning dan 10)_____.

Nasib mereka sungguh 11)_____ kerana angin bertiup dengan 12)_____. Helmi memegang wau tersebut. Anuar pula berlari dengan 13)_____ sambil melepaskan talinya sedikit demi sedikit. Lama-kelamaan, wau itu pun terbang 14)_____.

LIVEWORKSHEETS